



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH

SOALAN LAZIM (FAQ)

**PENGAMBILAN MURID
TINGKATAN 1 & TINGKATAN 4
SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) DAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH TEKNIKAL (SBP-T)
(AMBILAN TAHUN 2027)**

SOALAN LAZIM

PENGAMBILAN MURID TINGKATAN 1 & TINGKATAN 4 SEKOLAH BERASRAMA PENUH & SEKOLAH BERASRAMA PENUH TEKNIKAL (AMBILAN TAHUN 2027)

1. Bilakah permohonan ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Teknikal (SBP-T) tahun 2027 dibuka dan bagaimana cara membuat permohonan?

Permohonan ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 tahun 2027 dibuka pada **10 Julai hingga 14 Ogos 2026**, melalui pautan berikut:

- Tingkatan 1: <https://spskt1.moe.gov.my/>
- Tingkatan 4: <https://spskt4.moe.gov.my/>

2. Bilakah semakan keputusan permohonan ke SBP/SBP-T boleh dibuat?

Keputusan permohonan ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 ke SBP dan SBP-T boleh dibuat pada **18 Disember 2026** melalui pautan berikut:

- Tingkatan 1: <https://spskt1.moe.gov.my/>
- Tingkatan 4: <https://spskt4.moe.gov.my/>

3. Apakah tindakan yang perlu diambil sekiranya murid berjaya mendapat tempat di SBP/SBP-T?

Murid yang berjaya perlu mengambil tindakan berikut:

- i. Mencetak **Surat Tawaran** dan **Buku Tawaran** yang disertakan.
- ii. Melengkapkan Buku Tawaran dan diserahkan kepada pihak SBP/SBP-T semasa hari pendaftaran.
- iii. Sekiranya maklumat dalam Buku Tawaran tidak lengkap atau tidak benar, pihak sekolah berhak untuk **TIDAK** mendaftarkan murid dan menolak pendaftaran tersebut.

4. Adakah pertukaran tawaran antara SBP/SBP-T dibenarkan?

Keputusan penawaran adalah **MUKTAMAD**. Sebarang permohonan untuk bertukar ke SBP/SBP-T lain tidak akan dipertimbangkan.

5. Bilakah tarikh pendaftaran ke SBP/SBP-T?

Murid perlu mendaftar pada **05 Januari 2027** di SBP/SBP-T yang ditawarkan.

6. Bolehkah murid menangguhkan pendaftaran?

Sebarang penangguhan pendaftaran perlu mendapat kelulusan daripada SBP/SBP-T yang ditawarkan.

7. Bolehkah murid memakai pakaian seragam sekolah menengah harian di SBP/SBP-T yang ditawarkan.

Boleh. Murid yang melapor diri ke SBP/SBP-T dibenarkan memakai pakaian seragam sekolah menengah harian semasa hari pendaftaran.

8. Bolehkah murid membawa dan menggunakan buku teks, buku tulis dan peralatan pembelajaran lain ke SBP/SBP-T yang ditawarkan.

Boleh. Murid boleh membawa dan menggunakan buku teks, buku tulis serta peralatan pembelajaran lain yang telah dimiliki ke SBP/SBP-T yang ditawarkan.

9. Adakah murid hanya ditawarkan satu tempat sahaja sama ada SBP/SBP-T atau mana-mana sekolah khusus atau Maktab Rendah Sains Mara (MRSM)?

Ya. Melalui kaedah *single entry point*, calon hanya ditawarkan ke satu tempat sahaja, sama ada sekolah khusus atau MRSM.

10. Bolehkah murid yang telah mendapat tawaran ke mana-mana sekolah khusus atau MRSM, membuat rayuan untuk ke sekolah khusus atau MRSM yang lain?

Tidak boleh.

- 11. Adakah tawaran kemasukan akan terbatal sekiranya pihak sekolah mendapati sebarang maklumat yang dibekalkan oleh murid termasuk laporan perubatan adalah PALSU?**

Ya. Tawaran akan terbatal serta-merta.

- 12. Adakah murid yang tidak membuat permohonan dalam tempoh masa yang ditetapkan masih berpeluang untuk ke SBP/SBP-T?**

Tidak.

- 13. Bilakah sistem e-Rayuan akan dibuka?**

Sistem e-Rayuan akan mula dibuka pada **18 Disember 2026 sehingga 05 Januari 2027**.

- 14. Berapa banyak pilihan sekolah khusus/MRSM yang boleh dibuat semasa rayuan?**

Murid boleh membuat tiga pilihan sekolah khusus/MRSM.

- 15. Bolehkah murid yang TIDAK BERJAYA mendapat tempat menukar pilihan di SBP/SBP-T apabila membuat e-Rayuan?**

Boleh. Walau bagaimanapun, penawaran bagi e-rayuan bergantung kepada kekosongan tempat di SBP/SBP-T yang dipilih.

- 16. Adakah murid boleh merayu ke Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)?**

Tidak. Walau bagaimanapun, semua perayu boleh membuat rayuan ke sekolah-sekolah lain bagi membolehkan BPSBP mengenal pasti pemohon yang masih berminat untuk ditawarkan ke SBP.

Sekiranya calon yang telah ditemuduga, memenuhi kelayakan dan terdapat kekosongan di mana-mana SBP TMUA, pertimbangan penawaran tetap akan dibuat. Walau bagaimanapun, sekiranya calon tidak mengemukakan rayuan semasa proses e-Rayuan, BPSBP akan menganggap calon tidak lagi berminat untuk ditawarkan ke mana-mana SBP.

17. Kenapakah terdapat SBP tertentu tiada dalam senarai pilihan untuk rayuan.

Mesyuarat Pengurusan BPSBP telah membuat keputusan agar sekolah-sekolah berikut dikeluarkan daripada senarai rayuan:

- i. Sekolah Seri Puteri
- ii. Kolej Tunku Kurshiah
- iii. Sekolah Tun Fatimah
- iv. Sekolah Sultan Alam Shah
- v. Kolej Melayu Kuala Kangsar
- vi. Sekolah Tuanku Abdul Rahman
- vii. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang (TMUA)
- viii. Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (TMUA)
- ix. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar (TMUA)
- x. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Batu Rakit (TMUA)

Penawaran telah dibuat secara maksimum di sekolah-sekolah tersebut. Berdasarkan rekod, semua calon yang ditawarkan pada ambilan pertama akan hadir mendaftar dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kaedah ini ditetapkan bagi mengelakkan murid daripada membuat rayuan ke sekolah yang telah penuh.

18. Bagaimanakah semakan keputusan e-rayuan ke SBP/SBP-T dibuat?

Semakan keputusan e-rayuan murid ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 ke SBP/SBP-T boleh disemak pada **05 Februari 2027** melalui pautan berikut:

- Tingkatan 1: <https://spskt1.moe.gov.my/>
- Tingkatan 4: <https://spskt4.moe.gov.my/>

19. Bolehkah murid menukar pakej mata pelajaran?

Tidak boleh.

20. Adakah murid SBP dibenarkan untuk memohon ke SBP-T?

Ya boleh. Murid perlu menduduki ujian PKSK.

21. Adakah murid SBP yang telah menerima tawaran ke sekolah khusus yang lain boleh kembali ke SBP asal?

Tidak boleh.